



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 APRIL 2018 (SABTU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - JMB atasi masalah jalan berlubang | 36 |
| - Laluan basikal tidak efektif, berisiko | 36 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 APRIL 2018 (SABTU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	JMB atasi masalah jalan berlubang
Muka Surat	36

SH 14/4/18
MS 36

Jalan berlubang membimbangkan pengguna.



JMB atasi masalah jalan berlubang

PANDAN MEWAH – Pihak pengurusan bersama (JMB) sebuah flat di sini akan mengatasi masalah jalan berlubang yang dibangkitkan oleh penduduk dalam masa terdekat.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan penduduk flat berkenaan.

"Isu yang dibangkitkan oleh penduduk itu merupakan di bawah bidang kuasa JMB dan kita sedia maklum mereka sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Menurutnya, MPAJ telah menghubungi pihak pengurusan bangunan itu, kelmarin.

"Kerja-kerja menampal jalan berlubang itu akan dilaksanakan Isnin depan, angga-

ran perbelanjaan sebanyak RM15,000 hingga RM16,000. Kita akan melakukan pemantauan berterusan bagi kerja menampal jalan berlubang di sekitar blok berkenaan," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Terdahulu *Sinar Harian* melaporkan aduan penduduk di sini mendakwa berhadapan risiko kemalangan akibat keadaan jalan yang berlubang di sekitar kediaman mereka.

Dalam perkembangan sama, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, pihaknya menerima aduan yang dibangkitkan oleh penduduk flat berkenaan dan sudah menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk tindakan selanjutnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 APRIL 2018 (SABTU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Laluan basikal tidak efektif, berisiko
Muka Surat	36

S4 14/4/18 M/S 36
Laluan khas basikal tidak efektif, berisiko

PANDAN INDAH - Penduduk mendakwa laluan khas basikal disediakan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tidak efektif kerana ia dipercayai berisiko kepada penunggang basikal.

Penduduk, Chan Jer Ping berkata, penunggang basikal yang baharu melalui jalan ini sudah pasti akan berasa takut kerana perlu berselisih dengan jumlah kenderaan yang banyak serta laju khususnya pada waktu puncak.

"Apa objektif utama perlaksanaan laluan khas basikal ini? Ia agak bahaya untuk menggalakkan mereka yang tidak biasa menunggang basikal melalui jalan ini kerana tiada pengasingan laluan antara basikal dengan kenderaan lain," katanya.

Jer Ping kemudian mencadangkan pihak berkuasa tempatan mewujudkan divider atau curve bagi keselamatan pengguna.

"Saya menggunakan basikal kerana tiada kenderaan lain, namun jarang melalui laluan basikal ini kerana ia tidak dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

Sementara itu, bekas



Janice (dua kiri) bersama penduduk berdiri di laluan basikal.

adun Teratai, Janice Lee mendakwa, laluan khas basikal ini dianggap sebagai projek gajah putih.

"Apakah projek ini menggunakan dana kerajaan negeri atau MPAJ? Sejak ia dilaksanakan, penduduk tidak menggunakan pakai laluan khas basikal kerana kuatir keselamatan diri. Kita telah mengukur jalan ini, lebarnya kira-kira 10 kaki, manakala lebar laluan basikal hanya tiga kaki sahaja.

"Jika ada lori dan basik melalui jalan utama ini, sudah pasti ia akan memasuki laluan basikal kerana saiz jalan sudah semakin kecil," katanya.

Beliau yang juga

Pengerusi PRM Pandan berkata, sebelum ini laluan basikal tersebut berwarna kuning, namun catnya telah ditukarkan kepada warna biru sejak dua minggu lalu.

"Kami tidak pasti kenapa mereka menukar warna itu, laluan basikal ini pula tidak berapa efektif untuk aktiviti berbasikal kerana isu keselamatan."

"Saya berharap mereka perlu mengadakan rundingan dengan pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini," katanya.

Menurutnya, pelebaran jalan juga perlu dilaksanakan untuk mewujudkan laluan khas basikal ini supaya penunggang berasa selamat.